



# BUKU PANDUAN AKADEMIK SESI 2021/2022 PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA DAN DIPLOMA

# IPTK

INSTITUT PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN KEUSAHAWANAN  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# BUKU PANDUAN AKADEMIK SESI 2021/2022

PROGRAM IJAZAH SARJANA  
MUDA DAN DIPLOMA



INSTITUT PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN KEUSAHAWANAN  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

CETAKAN PERTAMA 2021

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan dalam sebarang bentuk menggunakan sebarang alat sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada pihak Penerbit UTeM Press, Universiti Teknikal Malaysia Melaka.



اونيورسي تيكنيكا مليسيا ملاك  
**Editor Naskhah**  
Fatonah Salehuddin

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA  
**Atur Huruf dan Reka Bentuk Kulit**  
Nazirul Termizi

**Dicetak dan Diterbitkan di Malaysia oleh**

Penerbit UTeM Press

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal, Melaka, Malaysia.

Tel: +606 270 1241

Faks: +606 270 1038

## KANDUNGAN

CARTA PENGURUSAN TERTINGGI UTeM.....	4
VISI, MISI, MOTO DAN MATLAMAT PENDIDIKAN UTeM.....	5
PENGURUSAN IPTK .....	6
CARTA ORGANISASI IPTK .....	7
KATA ALU-ALUAN DEKAN IPTK .....	8
PENGENALAN JABATAN .....	9
• Jabatan Pembangunan Kemahiran Insan .....	9
• Jabatan Kokurikulum.....	9
SENARAI KOD BARU KURSUS WAJIB .....	10
SENARAI KURSUS WAJIB.....	13
• Program Diploma .....	13
• Program Ijazah Sarjana Muda: Pelajar Tempatan.....	14
• Program Ijazah Sarjana Muda: Pelajar Antarabangsa .....	15
SENARAI KURSUS MENGIKUT JABATAN .....	16
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN INSAN .....	16
• Kursus Wajib Universiti Program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda.....	16
• Maklumat Kursus Jabatan Pembangunan Kemahiran Insan .....	19
JABATAN KOKURIKULUM .....	35
• Kursus Wajib Program Diploma dan Program Ijazah Sarjana Muda.....	35
• Maklumat Kursus Jabatan Kokurikulum .....	40
PENSIJILAN TAHFIZ AL-QURAN UTeM-DARUL QURAN.....	117
DIREKTORI STAF IPTK .....	119
• Jabatan Pembangunan Kemahiran Insan .....	119
• Jabatan Kokurikulum.....	124
• Staf Pentadbiran.....	125

## CARTA PENGURUSAN TERTINGGI UTeM



**PROF. Ir. DR. GHAZALI BIN OMAR**  
Menjalankan Fungsi  
Naib Canselor



**PROF. DR. ZULKIFLIE BIN IBRAHIM**  
Timbalan Naib Canselor  
(Akademik & Antarabangsa)



**PROF. Ir. DR. GHAZALI BIN OMAR**  
Timbalan Naib Canselor  
(Penyelidikan & Inovasi)



**DATUK DR. SABRI BIN MOHAMAD SHARIF**  
Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Pelajar)



**PROF. MADYA Ir. DR. MD NAZRI BIN OTHMAN**  
Penolong Naib Canselor  
(Jaringan Industri & Masyarakat)



**PROF. MADYA Ts. MOHD RAHIMI BIN YUSOFF**  
Penolong Naib Canselor  
(Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)



**ENCIK MASDZARIF BIN MAHAT**  
Ketua Pegawai Operasi



**ENCIK KHAIRUL BIN TAIB**  
Bendahari



**ENCIK MOHD ISA BIN MOHD DOM**  
Ketua Pegawai Maklumat



**DATUK AZHAR BIN MOHAMED**  
Penasihat Undang-Undang

## VISI, MISI, MOTO DAN MATLAMAT PENDIDIKAN UTeM

### VISI

Menjadi Universiti Teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia.

### MISI

UTeM bertekad untuk menerajui sumbangan kepada kesejahteraan negara dan dunia dengan:

1. Memartabatkan ilmu melalui pendidikan, penyelidikan dan keserjanaan teknikal yang inovatif;
2. Membentuk pemimpin bersahsiah murni yang profesional; dan
3. Menjana pembangunan lestari bersama industri dan komuniti.

### MOTO

Kompetensi Teras Kegemilangan

### MATLAMAT PENDIDIKAN

1. Mengendalikan program akademik dan profesional berlandaskan kepada keperluan industri;
2. Melahirkan graduan dengan pengetahuan relevan, kompetensi dalam kemahiran teknikal, kemahiran insaniah dan peka kepada tanggungjawab sosial;
3. Menyemai dalam kalangan graduan kaedah saintifik, berfikiran kritikal, kreatif dan inovatif dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan;
4. Mengalakkan pembangunan penyelidikan dan aktiviti dengan kerjasama industri demi menjana kemakmuran negara;
5. Melengkapkan graduan dengan nilai-nilai kepimpinan, komunikasi dan pembelajaran berterusan;
6. Melahirkan graduan berkemahiran teknousahawan dan pengurusan; dan
7. Melahirkan graduan yang menghargai sastera dan budaya serta menyedari kepentingan budaya hidup sihat.

## PENGURUSAN INSTITUT PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN KEUSAHAWANAN (IPTK)



**PROFESOR MADYA DR SAFIAH BINTI SIDEK**  
DEKAN



**DR. MOHAMAD ZAHIR BIN ZAINUDIN**  
TIMBALAN DEKAN,  
(AKADEMIK – PRA SISWAZAH)



**DR. ZAWIAH BINTI HJ. MAT**  
TIMBALAN DEKAN  
(PENYELIDIKAN – PASCA  
SISWAZAH)

**EN. AHMAD RIDZWAN  
BIN MOHD NOOR**  
KETUA JABATAN  
(PEMBANGUNAN  
KEMAHIRAN INSAN)




**DR. NORIDA BINTI  
ABDULLAH**  
KETUA JABATAN  
(KOKURIKULUM)



**EN. MAHATHIR BIN MAZIZAN**  
PENOLONG PENDAFTAR KANAN

## CARTA ORGANISASI INSTITUT PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN KEUSAHAWANAN (IPTK)



## KATA ALU-ALUAN



**DEKAN  
INSTITUT PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN  
KEUSAHAWANAN (IPTK)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamu'alaikum dan Salam Perpaduan,

Penerbitan Buku Panduan Akademik Sesi 2021/2022 Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan ini dapat menjadi rujukan kepada fakulti untuk merancang kursus-kursus bersesuaian bagi program-program yang ditawarkan. Kandungan buku panduan akademik ini meliputi kursus-kursus sedia ada yang dikendalikan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran Insan dan Jabatan Kokurikulum. Kursus-kursus yang ditawarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran Insan telah menggunakan pakai kod baharu yang bersesuaian dengan IPTK sebagai sebuah pusat tanggungjawab yang menawarkan kursus-kursus wajib universiti di peringkat prasiswazah.

Selain daripada itu, IPTK juga mengambil tanggungjawab membina dan membentuk kemahiran insaniah pelajar melalui kursus-kursus yang dikendalikan oleh Jabatan Kokurikulum. Gabungan kursus ini dapat membentuk sahsiah pelajar yang bersifat holistik dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan juga sosial. Pembentukan sahsiah diri dan kemahiran insaniah yang bersepadu ini dijayakan oleh akademia yang berpengalaman dan boleh mendidik pelajar untuk terus berjaya dalam bidang masing-masing.

Maklumat berkaitan program Pensijilan Tahfiz Al-Quran UTeM-Darul Quran bagi pelajar Ijazah Sarjana Muda juga dimasukkan dalam buku panduan ini.

Sehubungan itu, Buku Panduan Akademik Sesi 2021/2022 ini dapat membantu pihak fakulti merancang dan menyusun kursus-kursus yang bersesuaian dengan keperluan pelajar ke arah melahirkan pelajar yang menepati kehendak universiti dan negara pada masa hadapan. Ia juga boleh disusun supaya menepati aspirasi T.U.A.H di Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

## PENGENALAN JABATAN

### Jabatan Pembangunan Kemahiran Insan

Jabatan Pembangunan Kemahiran Insan (JPKI) menawarkan beberapa Kursus Wajib Universiti bagi pelajar Program Diploma dan Program Ijazah Sarjana Muda untuk pelajar tempatan. Kursus Wajib Universiti yang ditawarkan bagi Program Ijazah Sarjana Muda adalah kursus Falsafah dan Isu Semasa serta kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. Manakala Kursus Wajib Universiti yang ditawarkan bagi Program Diploma pula adalah kursus Penghayatan Etika dan Peradaban, Falsafah Sains dan Teknologi serta Kepimpinan.

Bagi pelajar antarabangsa, JPKI menawarkan dua (2) Kursus Wajib Universiti iaitu *Philosophy and Current Issues* (Falsafah dan Isu Semasa) dan *Malaysian Culture* (Kebudayaan Malaysia).

Selain daripada Kursus Wajib Universiti, JPKI juga menawarkan beberapa kursus elektif untuk Program Ijazah Sarjana Muda. Kursus tersebut adalah Falsafah Sains dan Teknologi (FST), Psikologi Industri dan Organisasi (PIO), Pemikiran Kritis dan Kreatif (PKK), Komunikasi Keorganisasian (KK) dan Kemahiran Perundingan (KP).

### Jabatan Kokurikulum

Jabatan Kokurikulum bertanggungjawab menawarkan kursus berdasarkan lapan (8) teras utama iaitu Kebudayaan, Keusahawanan, Daya Usaha dan Inovasi, Kepimpinan, Pengucapan Awam, Khidmat Komuniti, Kesukarelawanan dan Sukan seperti yang dikehendaki oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Kursus kokurikulum ber kredit adalah Kursus Wajib Universiti bagi setiap pelajar Program Diploma dan Program Ijazah Sarjana Muda. Pelajar perlu lulus dalam kursus kokurikulum yang diambil sebelum penganugerahan diploma dan ijazah dilaksanakan.

Jabatan Kokurikulum bertanggungjawab melaksanakan kursus kokurikulum secara pendidikan dalam dan luar bilik kuliah. Selain itu, Jabatan Kokurikulum juga memberi fokus terhadap pembentukan sahsiah pelajar dengan menghasilkan bakal graduan yang seimbang dan harmonis dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek, dan sosial (JERIS). Jabatan Kokurikulum turut menerapkan Kemahiran Insaniah kepada pelajar selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara.

## SENARAI KOD BAHARU KURSUS WAJIB UNIVERSITI

Mesyuarat Majlis Eksekutif Bil.7/2020 yang telah diadakan pada 18 Ogos 2020 telah bersetuju meluluskan penstrukturan semula IPTK yang berkuat kuasa pada 01 Oktober 2020. Berdasarkan penstrukturan semula IPTK tersebut, semua urusan berkenaan penawaran kursus-kursus wajib universiti dan kokurikulum peringkat prasiswazah (Diploma dan Ijazah Sarjana Muda) akan diselaraskan oleh pihak IPTK bermula pada Semester I Sesi Akademik 2020/2021.

Mulai Sesi Akademik 2021/2022, sebanyak 13 kursus wajib prasiswazah akan mengguna pakai kod 'IP' (Institut Pengurusan) bagi melambangkan identiti IPTK yang menawarkan kursus berkenaan. Penggunaan kod 'IP' ini selaras dengan kod program Sarjana dan PhD yang ditawarkan di IPTK.



## Peringkat Ijazah Sarjana Muda

Bil	Nama Kursus (Bahasa Melayu/ Bahasa Inggeris)	Kod Lama	Kod Baharu	Penerangan Angka dalam Kod Kursus			
				Tahun	Kod bidang*	No. Turutan Kursus	Bil. Jam Kredit
<b>Tahun 1</b>							
1	Tamadun Islam dan Tamadun Asia/ <i>Islamic and Asian Civilizations</i>	BLHW1702	<b>BIPW1112</b>	1	1	1	2
2	Pengajian Malaysia/ <i>Malaysia Studies</i>	BLHW1742	<b>BIPW1122</b>	1	1	2	2
3	Falsafah dan Isu Semasa/ <i>Philosophy and Current Issues</i>	BLHW1762	<b>BIPW1132</b>	1	1	3	2
4	Falsafah Sains dan Teknologi/ <i>Philosophy of Science and Technology</i>	BLHW1722	<b>BIPW1142</b>	1	1	4	2
5	Psikologi Industri dan Organisasi/ <i>Industrial and Organizational Psychology</i>	BLHH1032	<b>BIPW1152</b>	1	1	5	2
<b>Tahun 2</b>							
1	Hubungan Etnik/ <i>Ethnic Relations</i>	BLHW2712	<b>BIPW2112</b>	2	1	1	2
2	Kebudayaan Malaysia/ <i>Malaysian Culture</i>	BLHW2752	<b>BIPW2122</b>	2	1	2	2
3	Penghayatan Etika dan Peradaban/ <i>Appreciation of Ethics and Civilization</i>	BLHW2772	<b>BIPW2132</b>	2	1	3	2
4	Sosiologi Industri/ <i>Industrial sociology</i>	-	<b>BIPW2142</b>	2	1	4	2

Tahun 3							
1	Pemikiran Kritis dan Kreatif/ <i>Critical and Creative Thinking</i>	BLHC4032	<b>BIPW3112</b>	3	1	1	2
Tahun 4							
1	Komunikasi Keorganisasian/ <i>Organizational Communication</i>	BLHC4012	<b>BIPW4112</b>	4	1	1	2
2	Kemahiran Perundingan/ <i>Negotiation Skills</i>	BLHC4022	<b>BIPW4122</b>	4	1	2	2

## Peringkat Diploma

Bil	Nama Kursus (Bahasa Melayu/ Bahasa Inggeris)	Kod Lama	Kod Baharu	Penerangan Angka dalam Kod Kursus			Bil. Jam Kredit
				Tahun	Kod bidang*	No. Turutan Kursus	
Tahun 1							
1	Kepimpinan/ <i>Leadership</i>	DLHW1742	<b>DIPW1112</b>	1	1	1	2
2	Falsafah Sains dan Teknologi/ <i>Philosophy of Science and Technology</i>	DLHW1722	<b>DIPW1122</b>	1	1	2	2
3	Pengajian Malaysia/ <i>Malaysian Studies</i>	DLHW1032	<b>DIPW1132</b>	1	1	3	2
Tahun 2							
1	Penghayatan Etika dan Peradaban/ <i>Appreciation of Ethics and Civilization</i>	DLHW2772	<b>DIPW2112</b>	2	1	1	2

## SENARAI KURSUS WAJIB UNIVERSITI

### Program Diploma

Pelajar yang mengikuti Program Diploma perlu mengambil enam (6) Kursus Wajib yang ditawarkan di IPTK seperti dalam Jadual 1. Jumlah kredit bagi pelajar Diploma FTMK adalah 16 manakala pelajar Diploma FKE, FKEKK, FKP dan FKM adalah 14.

Sebelum mendaftar kursus untuk semester lazim, pelajar perlu mengambil tiga (3) kursus wajib yang ditawarkan dalam Semester Khas Permulaan (SKP).

Bagi kursus kokurikulum pula, pelajar **tidak dibenarkan** untuk mendaftar kursus yang sama pada setiap semester. Pelajar yang gagal, boleh mengulang kursus kokurikulum yang lain.

Jadual 1: Senarai Kursus Wajib Program Diploma

BIL	KOD KURSUS	KURSUS	KREDIT	PENAWARAN
1	*DIPW1112/ DLHW 1742	Kepimpinan/ <i>Leadership</i>	2	Semester Khas Permulaan
2	*DIPW1122/ DLHW1722	Falsafah Sains dan Teknologi/ <i>Philosophy of Science and Technology</i> <b>Bagi pelajar Diploma FTMK sahaja</b>	2	Semester Khas Permulaan
3	*DIPW1132/ DLHW1032	Pengajian Malaysia/ <i>Malaysian Studies</i>	2	Semester Khas Permulaan
4	DIPW2112/ DLHW2772	Penghayatan Etika dan Peradaban/ <i>Appreciation of Ethics and Civilization</i>	2	Semester Lazim
5	**DKK 1**1	Kokurikulum I	1	Semester Lazim
6	**DKK 1**1	Kokurikulum II	1	Semester Lazim
<b>JUMLAH KREDIT</b>			<b>10</b>	

\*Kursus wajib yang ditawarkan dalam Semester Khas Permulaan (SKP).

\*\* **Tidak dibenarkan** untuk mendaftar kursus yang sama pada setiap semester.

## Program Ijazah Sarjana Muda: Pelajar Tempatan

Bagi pelajar tempatan yang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda, pelajar dikehendaki mengambil empat (4) Kursus Wajib yang ditawarkan di IPTK yang semuanya berjumlah enam kredit (Jadual 2).

Pelajar juga adalah **dikecualikan** untuk mengambil kursus BIPW2132/BLHW 2772 (Penghayatan Etika dan Peradaban), sekiranya mereka telah mengambil kursus DIPW2112/DLHW 2772 (Penghayatan Etika dan Peradaban) atau kursus yang setara dengannya di peringkat diploma.

Bagi kursus kokurikulum, pelajar **tidak dibenarkan** untuk mendaftar kursus yang sama pada semester. Pelajar yang gagal, boleh mengulang kursus kokurikulum yang lain.

Jadual 2: Senarai Kursus Wajib Program Ijazah Sarjana Muda  
(Pelajar Tempatan)

BIL	KOD KURSUS	KURSUS	KREDIT
1	BIPW1132/ BLHW1762	Falsafah dan Isu Semasa/ <i>Philosophy and Current Issues</i>	2
2	*BIPW2132/ BLHW2772	Penghayatan Etika dan Peradaban/ <i>Appreciation of Ethics and Civilization</i>	2
3	BKK 1**1	Kokurikulum I	1
4	BKK 1**1	Kokurikulum II	1
<b>JUMLAH KREDIT</b>			<b>6</b>

\* Kursus ini dikecualikan jika pelajar telah mengambil kursus DLHW 2772 (Penghayatan Etika dan Peradaban) atau kursus yang setara dengannya di peringkat Diploma.

## Program Ijazah Sarjana Muda: Pelajar Antarabangsa

Pelajar antarabangsa yang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda dikehendaki mengambil empat (4) Kursus Wajib yang berjumlah 6 kredit (Jadual 3). Kesemua kursus ini **disampaikan dalam Bahasa Inggeris**.

Jadual 3: Senarai Kursus Wajib Program Ijazah Sarjana Muda  
(Pelajar Antarabangsa)

BIL	KOD KURSUS	KURSUS	KREDIT
1	BIPW1132/ BLHW1762	Falsafah dan Isu Semasa/ <i>Philosophy and Current Issues</i>	2
2	BIPW2122/ BLHW2752	Kebudayaan Malaysia/ <i>Malaysian Culture</i>	2
3	*BKK 1**1	Kokurikulum I	1
4	*BKK 1**1	Kokurikulum II	1
<b>JUMLAH KREDIT</b>			<b>6</b>

\* **Tidak dibenarkan** untuk mendaftar kursus yang sama pada setiap semester. Pelajar yang gagal boleh mengulang kursus kokurikulum yang lain.

## SENARAI KURSUS MENGIKUT JABATAN

### JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN INSAN

#### Kursus Wajib Universiti Program Diploma

Jabatan ini menawarkan tiga (3) Kursus Wajib bagi Program Diploma. Senarai Kursus Wajib adalah seperti dalam Jadual 4.

Jadual 4: Senarai Kursus Wajib Program Diploma

BIL	KOD KURSUS	KURSUS	BAHASA PENGANTAR	KREDIT	JAM PERTEMUAN
1	DIPW1112/ DLHW1742	Kepimpinan/ <i>Leadership</i>	Bahasa Melayu	2	2
2	DIPW1122/ DLHW1722	*Falsafah Sains dan Teknologi/ <i>Philosophy of Science and Technology</i>	Bahasa Melayu	2	2
3	DIPW2112/ DLHW2772	Penghayatan Etika dan Peradaban/ <i>Appreciation of Ethics and Civilization</i>	Bahasa Melayu	2	2

**\*Diambil oleh pelajar Diploma FTMK sahaja**

## Kursus Wajib Universiti Program Ijazah Sarjana Muda

Jabatan ini menawarkan tiga (3) Kursus Wajib untuk Program Ijazah Sarjana Muda. Senarai Kursus Wajib Universiti Program Ijazah Sarjana Muda dinyatakan seperti dalam Jadual 5.

Jadual 5: Senarai Kursus Wajib Program Ijazah Sarjana Muda

BIL	KOD KURSUS	KURSUS	BAHASA PENGANTAR	KREDIT	JAM PERTEMUAN	SYARAT
1	BIPW1132/ BLHW1762	Falsafah dan Isu Semasa/ <i>Philosophy and Current Issues</i>	Bahasa Melayu/ Bahasa Inggeris	2	2	Pelajar Tempatan/ Antarabangsa
2	BIPW2132/ BLHW2772	Penghayatan Etika dan Peradaban/ <i>Appreciation of Ethics and Civilization</i>	Bahasa Melayu	2	2	Pelajar Tempatan
3	BIPW2122/ BLHW2752	<i>Malaysian Culture/</i> Kebudayaan Malaysia	Bahasa Inggeris	2	2	Pelajar Antarabangsa

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Jabatan ini turut menawarkan lapan (8) Kursus Elektif bagi program Ijazah Sarjana Muda. Pemilihan bagi kursus ini ditentukan oleh fakulti masing-masing. Senarai kursus ini adalah seperti dalam Jadual 6.

Jadual 6: Senarai Kursus Elektif Program Ijazah Sarjana Muda

BIL	KOD KURSUS	KURSUS	BAHASA PENGANTAR	KREDIT	JAM PERTEMUAN
1	BIPW1142/ BLHW1722	Falsafah Sains dan Teknologi/ <i>Philosophy of Science and Technology</i>	Bahasa Melayu	2	2
2	BIPW1152/ BLHH1032	Psikologi Industri dan Organisasi/ <i>Industrial and Organizational Psychology</i>	Bahasa Melayu	2	2
3	BIPW3112/ BLHW4032	Pemikiran Kritis dan Kreatif/ <i>Critical and Creative Thinking</i>	Bahasa Melayu	2	2
4	BIPW4112/ BLHC4012	Komunikasi Keorganisasian/ <i>Organizational Communication</i>	Bahasa Melayu/ Bahasa Inggeris	2	2
5	BIPW4122/ BLHC4022	Kemahiran Perundingan/ <i>Negotiation Skills</i>	Bahasa Melayu/ Bahasa Inggeris	2	2
6	BIPW2142	Sosiologi Industri/ <i>Industrial sociology</i>	Bahasa Melayu	2	2
7	BIPW1112	Tamadun Islam dan Tamadun Asia/ <i>Islamic and Asian Civilizations</i>	Bahasa Melayu	2	2
8	BIPW2112	Hubungan Etnik/ <i>Ethnic Relations</i>	Bahasa Melayu	2	2

## MAKLUMAT KURSUS JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN INSAN

Maklumat berkaitan dengan hasil pembelajaran, sinopsis dan rujukan bagi setiap kursus ditawarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran Insan adalah seperti berikut. Penerangan mengenai kursus ini disusun bermula dengan kursus peringkat Program Diploma dan diikuti dengan kursus peringkat Program Ijazah Sarjana Muda.

### PROGRAM DIPLOMA

DIPW 1112/DLHW 1742

KEPIMPINAN

#### Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

1. Mengenal pasti dan menerangkan konsep utama dalam kepimpinan.
2. Menunjukkan kemahiran interpersonal dalam melaksanakan tugas kumpulan.
3. Menghubungkan kait peranan dan kepimpinan serta kepengikutan.

#### Sinopsis

Kursus ini membincangkan konsep-konsep kepimpinan, kemahiran interpersonal dalam kepimpinan, kerja berpasukan, kepengikutan, budaya kepimpinan dan kepelbagaian budaya/etika organisasi. Tujuan kursus ini ialah memberi kefahaman dan penghayatan aspek kepimpinan dalam diri pelajar. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk pembelajaran berasaskan pengalaman melalui aktiviti berpasukan di dalam dan di luar kuliah. Pada akhir kursus ini, pelajar diharap dapat membentuk keyakinan diri, kesedaran sendiri, etika dan profesionalisme di samping dapat mengaplikasikan kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan dalam mengurus kehidupan seharian dan organisasi.

#### Syarat Asas

Tiada.

## Rujukan

- Abdul Halim el-Muhammady. (1996). *Pengurusan dalam Islam*. Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah.
- Adair, J. (2016) *Develop Your Leadership Skills*. Koogan Page.
- Choi, C.H. (2004). *Aspek-Aspek Kepimpinan dan Prestasi Organisasi*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Lusier, R. N. & Achua, C. F. (2009). *Leadership: Theory, Application, Skill Development*. Cincinnati: South Western College Publishing.
- Syed Ismail Syed Mustafa & Ahmad Subki Miskon. (2015). *Asas Kepimpinan & Perkembangan Profesional*. Penerbitan Multimedia.



DIPW 1132/DLHW 1032

PENGAJIAN MALAYSIA

### Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

1. Menghuraikan kepentingan konsep ilmu dalam falsafah sains dan teknologi.
2. Menyenaraikan cabaran-cabaran dan kepentingan isu global berkenaan sains dan teknologi yang memberi impak dalam kehidupan masyarakat dan global.

### Sinopsis

Kursus ini membincangkan tentang konsep ilmu dalam falsafah, sains dan teknologi yang menyasarkan kepentingan ilmu menurut sarjana Islam dan Barat. Selain itu, kursus ini turut menekankan tentang metodologi dalam sains Islam, konsep dan pencapaian tamadun Islam dalam pelbagai bidang serta menerapkan cabaran serta kepentingan isu global berkenaan sains dan teknologi yang semakin berkembang serta impak-impak dalam kehidupan masyarakat serta global. Kursus ini mampu membuka minda pelajar terhadap kehidupan secara berpasukan untuk membentuk gelombang pemikiran manusia yang kreatif.

### Syarat Asas

Tiada.

### Rujukan

- Abdul Rahman Abdullah. (2010). *Wacana Falsafah Sains Sejarah dan Pemikiran*. Pulau Pinang: Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam.
- Nor Azaruddin Husni Hj Nuruddin. (2017). *Challenging Issues for Science & Technology in Malaysia an Overview*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

## Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

1. Menghuraikan kepentingan konsep ilmu dalam falsafah sains dan teknologi.
2. Menyenaraikan cabaran-cabaran dan kepentingan isu global berkenaan sains dan teknologi yang memberi impak dalam kehidupan masyarakat dan global.

## Sinopsis

Kursus ini membincangkan tentang konsep ilmu dalam falsafah, sains dan teknologi yang menyasarkan kepentingan ilmu menurut sarjana Islam dan Barat. Selain itu, kursus ini turut menekankan tentang metodologi dalam sains Islam, konsep dan pencapaian tamadun Islam dalam pelbagai bidang serta menerapkan cabaran serta kepentingan isu global berkenaan sains dan teknologi yang semakin berkembang serta impak-impak dalam kehidupan masyarakat serta global. Kursus ini mampu membuka minda pelajar terhadap kehidupan secara berpasukan untuk membentuk gelombang pemikiran manusia yang kreatif.

## Syarat Asas

Tiada.

## Rujukan

- Abdul Rahman Abdullah. (2010). *Wacana Falsafah Sains Sejarah Dan Pemikiran*. Pulau Pinang: Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam Universiti Sains Malaysia.
- Daniel Zainal Abidin. (2007). *Meneroka Kecemerlangan Quran daripada Teropong Sains*. Selangor: PTS Millennia.
- Nik Salida Suhaila Nik Saleh *et.al.* (2007). *Sains Islam Merentasi Zaman*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Nor Azaruddin Husni Hj Nuruddin. (2017). *Challenging Issues for Science & Technology In Malaysia an Overview*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Yahaya Jusoh & Azhar Muhammad. (2007). *Pendidikan Falsafah Sains Al-Quran*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

DIPW 2112/DLHW 2772

PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN

### Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

1. Menerangkan teori dan konsep etika daripada perspektif peradaban yang berbeza.
2. Menghuraikan kepentingan isu kontemporari berkaitan pelbagai bidang mengikut acuan etika dan peradaban.
3. Membincangkan sistem, tahap perkembangan, kemajuan sosial dan kebudayaan merentas budaya untuk Malaysia.

### Sinopsis

Kursus ini membincangkan tentang teori dan konsep ilmu, etika serta peradaban yang berunsurkan perbandingan sistem, kemajuan sosial dan kebudayaan merentas budaya yang pelbagai. Selain itu, kursus ini juga menerangkan tentang isu kontemporari berkaitan pelbagai bidang mengikut acuan etika dan peradaban. Pendekatan kursus ini boleh membina rakyat Malaysia yang datang dari pelbagai latar budaya merentasi nilai budaya bagi melahirkan budaya manusiawi dengan nilai-nilai baik.

### Syarat Asas

Tiada.

### Rujukan

- MacKinnon, B. (2015). *Ethics: Theory and Contemporary Issues (8th ed)*. Stamford CT: Cengage Learning.
- Puga, I. & Easthope R. (2017). *An Analysis of C. Wright Mills's The Sociological Imagination*. London: Routledge.

## PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA

**BIPW 1132/BLHW 1762 FALSAFAH DAN ISU SEMASA**

### Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

1. Menjelaskan isu semasa berlandaskan ilmu falsafah, Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukunegara.
2. Menerangkan isu semasa berdasarkan aliran pemikiran utama dalam pelbagai aliran falsafah.
3. Menghuraikan isu semasa melalui perspektif perbandingan falsafah sebagai asas bagi menjalinkan dialog antara budaya.

### Sinopsis

Kursus ini merangkumi hubungan ilmu falsafah dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukunegara. Penggunaan falsafah sebagai alat untuk memurnikan budaya pemikiran dalam kehidupan melalui seni dan kaedah berfikir serta konsep insan. Topik utama dalam falsafah iaitu epistemologi, metafizik dan etika dibincangkan dalam konteks isu semasa. Penekanan diberi kepada falsafah sebagai asas bagi menjalin dialog antara budaya serta memupuk nilai sepunya. Di hujung kursus ini, pelajar akan mampu melihat disiplin-disiplin ilmu sebagai satu badan ilmu yang komprehensif dan terkait antara satu sama lain.

### Syarat Asas

Tiada.

### Rujukan

- Al-Attas, S. M. Naquib. (1991). *The Concept of Education in Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Dzulkifli, A. R. & Rosnani, H. (2019). *Pentafsiran Baharu Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Pelaksanaannya Pasca 2020*. Kuala Lumpur: IIUM Press.
- Rosnani Hashim. (2017). *Revitalization of Philosophy and Philosophical Inquiry in Muslim Education*. Gombak: Kull of Education, IIUM.

BIPW 1142/BLHW 1722

FALSAFAH SAINS DAN TEKNOLOGI

### Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

1. Menilai kepentingan konsep ilmu dan isu-isu falsafah sains dan teknologi serta kepentingan isu dan cabaran berkaitan ilmu, falsafah sains dan teknologi.
2. Membina pemahaman tentang ilmu dan isu falsafah sains dan teknologi dalam kehidupan masyarakat masa kini melalui kerja berpasukan.

### Sinopsis

Kursus ini membincangkan tentang konsep ilmu, konsep falsafah, sains dan teknologi yang berunsurkan kreativiti dan inovasi menurut sarjana Islam dan Barat. Selain itu, kursus ini juga menekankan tentang metodologi dalam sains Islam, konsep dan pencapaian tamadun Islam dalam bidang matematik, astronomi, fizik, kimia, perubatan, konsep penciptaan alam dan kosmologi dalam Islam, pencapaian dalam bidang telekomunikasi terkini dan isu-isu sains semasa. Pendekatan sarjana Islam silam menjadi contoh kepada generasi masa kini menjadi manusia yang kreatif dan mempunyai pemikiran kritis dalam pelbagai bidang seperti penciptaan dan kejuruteraan.

### Syarat Asas

Tiada.

### Rujukan

- Abdul Rahman Abdullah. (2010). *Wacana Falsafah Sains Sejarah dan Pemikiran*. Pulau Pinang: Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam USM.
- Ahmad Ridzwan Mohd Noor, Radzuan Nordin, Norliah Kudus, Nor Azilah Ahmad, Mahadi Abu Hassan, Shahrulanuar Mohamed, Ali Hafizar Mohd Rawi & Ismail Ibrahim. (2008). *Modul Falsafah Sains dan Teknologi*. Cetakan Dalaman Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
- Azrina Sobian. (2014). *Membina Kekuatan Sains di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Azizan Baharuddin & Maisarah Hasbullah. (2010). *Pendidikan Sejarah dan Falsafah Sains di Institusi Pengajian Tinggi Awam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

**BIPW 1152/BLHH 1032**

**PSIKOLOGI INDUSTRI DAN ORGANISASI**

**Hasil Pembelajaran**

Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

1. Menghubung kait proses persekitaran dan teori di tempat kerja dalam dunia organisasi dan perindustrian.
2. Mempamerkan ciri-ciri kepimpinan dalam aktiviti tugas kumpulan.
3. Memberi tindak balas terhadap peranan dan tanggungjawab sebagai seorang bakal pekerja di dalam organisasi.

**Sinopsis**

Kursus ini memberi pendedahan kepada aspek psikologi dalam dunia pekerjaan dalam sektor industri serta permasalahan yang berhubung dengan tingkah laku dalam organisasi. Terdapat beberapa topik yang dibincangkan termasuk isu-isu semasa dalam psikologi di tempat kerja, perancangan personel, tekanan di tempat kerja dan psikologi kejuruteraan.

**Syarat Asas**

Tiada.

**Rujukan**

- Azlina A. B. (2016). *Psikologi Industri dan Pengurusan Sumber Manusia*. Terengganu: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Schultz & Schultz, Duane. (2017). *Psychology and Work Today*. New York: Prentice Hall.
- Yukl, G. (2010). *Leadership in Organization*. New York: Prentice Hall.

BIPW 2122/BLHW 2752

MALAYSIAN CULTURE (KEBUDAYAAN MALAYSIA)

**Learning Outcomes**

By the end of the course, students should be able to:

1. Analyse the general issues related to Malaysian culture.
2. Report the scenario of cultural diversity in Malaysia.
3. Explain the comparison between Malaysian culture with their home countries in various aspects.

**Synopsis**

This course exposes international students to the socio-cultural background of Malaysia which includes ethnic composition, religions, traditions and values. Other elements like music, arts, cuisine, costume, ethnic games, celebrations and national festivals are also highlighted. Student Centered Learning (SCL) methods such as group discussion and presentation will be used in order to assist international students in developing their understanding and appreciation of Malaysian culture.

**Pre-Requisite**

None.

**References**

- Guan Yeoh Seng. (2011). *Media, Culture and Society in Malaysia*. Kuala Lumpur: Routledge.
- Heidi Munan. (2010). *Cultural Shock. A Guide to Customs and Etiquette*. Kuala Lumpur: The New Straits Times Press.
- Heidi Munan. (2010). *Malaysian Culture Group*. Kuala Lumpur: Book Group.

---

**BIPW 2132/BLHW 2772**

**PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN**

---

### Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

1. Menjelaskan konsep etika daripada perspektif peradaban yang berbeza.
2. Membandingkan sistem, tahap perkembangan, kemajuan sosial dan kebudayaan merentas bangsa.
3. Membincangkan isu kontemporari berkaitan ekonomi, politik, sosial, budaya dan alam sekitar daripada perspektif etika dan peradaban.

### Sinopsis

Kursus ini menerangkan tentang konsep etika daripada perspektif peradaban yang berbeza. Ia bertujuan bagi mengenal pasti sistem, tahap perkembangan, kemajuan dan kebudayaan sesuatu bangsa dalam mengukuhkan kesepaduan sosial. Selain itu, perbincangan berkaitan isu-isu kontemporari dalam aspek ekonomi, politik, sosial, budaya dan alam sekitar daripada perspektif etika dan peradaban dapat melahirkan pelajar yang bermoral dan profesional. Penerapan amalan pendidikan berimpak tinggi (HIEPs) yang bersesuaian digunakan dalam penyampaian kursus ini. Di hujung kursus ini pelajar akan dapat menghubungkan etika dan kewarganegaraan berminda sivik.

### Syarat Asas

Tiada.

### Rujukan

- Harari Y. N. (2017). *Homo Deus: A Brief History of Tomorrow*. Australia: Harper Collins.
- MacKinnon, B. (2015). *Ethics: Theory and Contemporary Issues (8th ed)*. Stamford CT: Cengage Learning.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2012). *Modul Hubungan Etnik*. Selangor: Institut Kajian Etnik Universiti Kebangsaan Malaysia.

BIPW 3112/BLHC 4032

PEMIKIRAN KRITIS DAN KREATIF

### Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

1. Mengenal pasti prinsip asas kemahiran pemikiran kritis dan kreatif.
2. Menganalisis maklumat yang dikumpul dan dicerap untuk membuat keputusan.
3. Merangka konsep atau idea penyelesaian masalah baru.

### Sinopsis

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai prinsip-prinsip asas dalam pemikiran kritis dan kreatif. Pelajar akan mengaplikasikan kaedah/alat pemikiran kritis dan kreatif dalam penyelesaian masalah melalui pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar (SCL). Melalui tugas akhir, pelajar bertanggungjawab mengenal pasti serta menyelesaikan masalah semasa atau akan datang melalui penjanaaan idea-idea yang kreatif dan inovatif.

### Syarat Asas

Tiada.

### Rujukan

- Christ, L. (2015). *Critical Thinking: 50 Best Strategies to Think Smart and Clear, Get Logical Thinking and Improve Your Decision Making Skills*. South Carolina: Createspace Independent Publishing Platform.
- Michael Lewrick, Patrick Lin & Larry Leifer. (2020). *The Design Thinking Toolbox: A Guide to Mastering the Most Popular and Valuable Innovation Methods*. New York: John Wiley & Sons Inc.
- Ryan T. Byerly. (2017). *Introducing Logic and Critical Thinking: The Skills of Reasoning and the Virtues*. England: Baker Academic.
- Robert J. D. (2015). *Critical and Creative Thinking: A Brief Guide for Teachers*. New York: John Wiley & Sons Inc.

---

**BIPW 4112/BLHC 4012**

**KOMUNIKASI KEORGANISASIAN**

---

### Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

1. Membincangkan prinsip-prinsip asas kemahiran komunikasi organisasi untuk tujuan interaksi dalam organisasi.
2. Memberikan maklum balas mengenai isu-isu yang berkaitan dengan pembangunan kemahiran komunikasi organisasi.
3. Menyelesaikan masalah komunikasi organisasi berdasarkan konteks persekitaran organisasi sebenar.

### Sinopsis

Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada idea-idea asas organisasi dalam komunikasi umum dan organisasi. Selain itu, pelajar juga akan dapat mengetahui teori-teori yang berkaitan dengan komunikasi organisasi dan memahami elemen-elemen penting dalam organisasi seperti kepimpinan, komunikasi rasmi dan komunikasi tidak rasmi. Selain itu, pelajar akan menyedari halangan, penyelesaian masalah dan membuat keputusan kemahiran dalam komunikasi organisasi. Akhirnya, pelajar akan mempunyai pemahaman iklim organisasi, hubungan teknologi dan organisasi dan komunikasi korporat dalam organisasi.

### Syarat Asas

Tiada.

### Rujukan

- Dennis K. Mumby. (2018). *Organizational Communication: A Critical Approach. (2nd ed)*. SAGE Publications, Incorporated.
- Miller, K. (2012). *Organizational Communication (4rd. ed)*. Belmont: Thomson Wadsworth Publishing Company.

BIPW 4122/BLHC 4022

KEMAHIRAN PERUNDINGAN

### Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

1. Mengetahui pasti konsep-konsep asas dalam proses perundingan menggunakan amalan komunikasi berkesan.
2. Membuat kesimpulan terhadap teknik-teknik perundingan yang terbaik berdasarkan pendekatan teori yang pelbagai.
3. Menyelesaikan isu-isu perundingan berdasarkan teknik-teknik kemahiran perundingan yang berkesan berdasarkan pelbagai situasi.

### Sinopsis

Kursus ini akan membincangkan konsep asas perundingan, teknik berfikir secara kritis dan kreatif, teknik komunikasi berkesan dan teknik mendengar dan menyoal secara berkesan. Pelajar turut didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan dan menguruskan proses perundingan pelbagai secara berkesan. Selain itu, kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, serta kemahiran komunikasi berkesan yang diperlukan bagi menjalankan proses perundingan juga akan dibincangkan.

### Syarat Asas

Tiada.

### Rujukan

- Covey, S. (2013) *The 3rd Alternative: Solving Life's Most Difficult Problems*. New York: Free Press.
- Fisher, R & Ury. (2011). *Getting to YES: Negotiating Agreement Without Giving In. Third Edition*. Penguin Books.
- Lemiwki, R., Barry, B. & Saunders, D. (2016). *Essentials of Negotiation*. USA: McGraw Hill Education.

---

## BIPW 2142 SOSIOLOGI INDUSTRI

---

### Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

1. Menerangkan proses transformasi sosial masyarakat dan industri negara,
2. Mengenal pasti terhadap peranan dan tanggungjawab dalam pemantapan hubungan industri.
3. Menghubunkait dasar sosial dengan matlamat pembangunan kelestarian (SDGs).

### Sinopsis

Kursus ini membincangkan tentang proses pembangunan sosial dan industri dalam agenda pembangunan di Malaysia. Pelajar akan didedahkan tentang teori dan model berkaitan perindustrian, strategi, dan impak pembangunan kepada ekonomi dan masyarakat. Kursus ini juga menekankan konsep dan amalan dalam hubungan industri, pasaran dan Akta buruh, Kesatuan Sekerja dan Matlamat Pembangunan Kelestarian (SDGs) juga akan dikaji di dalam kursus ini. Kesedaran aspek sosiologi industri ini penting bagi memastikan Malaysia mampu menghadapi cabaran globalisasi, IR 4.0 dan era digital ekonomi untuk mengekalkan kelangsungan dan daya saing negara.

### Syarat Asas

Tiada.

### Rujukan

- Aang Ridwan. (2019). *Sosiologi Industri*. Bandung, Indonesia: Pustaka Setia.
- INTAN. (1994). *Dasar-Dasar Pembangunan Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam.
- Md Yunus, Marzudi. (2019). *Konsep Sosiologi Kenegaraan*. Kuala Lumpur: ITBM
- Robin, Theobald. (1994). *Understanding Industrial Society Sociological*. UK: Bloomsbury Publishing.
- Syed Ibrahim. (2007). *Malaysia Kita*. Kuala Lumpur: ILBS.

**BIPW 1112 TAMADUN ISLAM DAN TAMADUN ASIA (TITAS)****Hasil Pembelajaran**

Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

1. Menjelaskan konsep asas ketamadunan.
2. Menghubung kait sejarah dengan kemajuan tamadun bangsa di dunia.
3. Menganalisis isu dan cabaran peradaban dunia.

**Sinopsis**

Kursus ini menjelaskan tentang ilmu ketamadunan yang mencakupi definisi, pandangan semesta dan sumber ketamadunan. Kursus ini turut membincangkan persamaan dan perbezaan tamadun-tamadun dunia dengan mencari titik pertemuan melalui dialog peradaban. Selain itu, kursus ini juga turut mengupas isu dan cabaran semasa serta kesannya dalam perkembangan peradaban masa kini.

**Syarat Asas**

Tiada.

**Rujukan**

- Osman Bakar. (2009). *Modul Pengajian Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Sazelin Arif, Ahmad Ridzwan Mohd Noor, Mahadi Abu Hassan, Nooraini Sulaiman & Ali Hafizar Mohamad Rawi. (2007). *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Mc Graw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Hashim Musa. (2005). *Pemeriksaan Tamadun Melayu Malaysia Menghadapi Globalisasi Barat*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

---

## BIPW 2112 HUBUNGAN ETNIK

---

### Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

1. Menganalisis peranan hubungan etnik dan kepentingannya dalam proses pembangunan Malaysia.
2. Menghubung kait respons tentang isu dan cabaran etnik budaya di Malaysia.
3. Merumus dan menilai isu-isu perpaduan dan cadangan untuk memperkasakannya di Malaysia.

### Sinopsis

Kursus ini membincangkan konsep-konsep asas budaya, peranan etnik dan pengaruhnya terhadap sosiopolitik dan sosioekonomi negara khususnya dalam merealisasikan agenda perpaduan. Kursus ini juga memberi pendedahan tentang isu-isu dan cabaran dalam konteks perpaduan di Malaysia. Selain itu, kursus ini turut mengupas perkembangan globalisasi dan kesannya ke atas jati diri dan proses pembangunan di peringkat Malaysia. Selain itu, kursus ini akan merumuskan isu-isu perpaduan dan cadangan penambahbaikannya di Malaysia.

### Syarat Asas

Tiada.

### Rujukan

- Shamsul Amri Baharuddin. (2012). *Modul Hubungan Etnik*. Selangor: Institut Kajian Etnik Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Hashim Wan Teh. (2011). *Hubungan Etnik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Wan Norhasniah Haji Wan Husin. (2012). *Peradaban dan Perkauman di Malaysia: Hubungan Etnik Melayu-Cina*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

## JABATAN KOKURIKULUM

### Kursus Wajib Program Diploma dan Program Ijazah Sarjana Muda

Jabatan Kokurikulum bertanggungjawab menawarkan kursus berdasarkan lapan (8) teras utama iaitu Kebudayaan, Keusahawanan, Daya Usaha dan Inovasi, Kepimpinan, Pengucapan Awam, Khidmat Komuniti, Kesukarelawan dan Sukan seperti yang dikehendaki oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Kursus kokurikulum ber kredit adalah Kursus Wajib bagi setiap pelajar Program Diploma dan Program Ijazah Sarjana Muda. Pelajar perlu lulus dalam kursus kokurikulum yang diambil sebelum penganugerahan diploma dan ijazah dilaksanakan. Senarai kursus mengikut teras yang ditawarkan oleh Jabatan Kokurikulum adalah seperti di Jadual 7.

Jadual 7: Senarai Kursus Wajib Universiti Program Diploma dan Program Ijazah Sarjana Muda Mengikut Teras

BIL	KOD KURSUS	KURSUS	KREDIT	JAM PERTEMUAN
<b>TERAS KEBUDAYAAN</b>				
1	BKKC / DKKC 1611	Cak Lempong	1	2
2	BKKC / DKKC 1601	Gamelan	1	2
3	BKKC / DKKC 1061	Koir	1	2
4	BKKC / DKKC 1631	Nasyid	1	2
5	BKKC / DKKC 1811	Teater Bahasa Inggeris	1	2
6	BKKC / DKKC 1761	Kompang	1	2
7	BKKC / DKKC 1141	Silat Gayong	1	2
8	BKKC / DKKC 1691	Seni Lukis	1	2
9	BKKC / DKKC 1791	Catur	1	2
10	BKKC / DKKC 1641	Seni Khat	1	2

BIL	KOD KURSUS	KURSUS	KREDIT	JAM PERTEMUAN
<b>TERAS KEUSAHAWANAN</b>				
11	BKKE / DKKE 1791	Kewartawanan	1	2
12	BKKE / DKKE 1551	Keusahawanan	1	2
13	BKKE / DKKE 1451	Perniagaan Sukan	1	2
14	BKKE / DKKE 1561	Fiqh Muamalat	1	2
15	BKKE / DKKE 1461	Agropreneur	1	2
<b>TERAS DAYA USAHA DAN INOVASI</b>				
16	BKKI / DKKI 1781	Seni Foto	1	2
17	BKKI / DKKI 1541	I-Kreatif	1	2
18	BKKI / DKKI 1531	Reka Cipta	1	2
<b>TERAS KEPIMPINAN</b>				
19	BKKL / DKKL 1391	Pengurusan Kendiri	1	2
20	BKKL / DKKL 1401	Kepimpinan	1	2
21	BKKL / DKKL 1411	Pengurusan Kesihatan	1	2
22	BKKL / DKKL 1501	Aplikasi Falak dalam Ibadah	1	2
23	BKKL / DKKL 1491	Pengurusan Perubatan Islam	1	2
<b>TERAS PENGUCAPAN AWAM</b>				
24	BKKP/ DKKP 1731	<i>Public Speaking</i>	1	2
25	BKKP/ DKKP 1741	Pengucapan Awam	1	2
26	BKKP/ DKKP 1551	Debat	1	2

BIL	KOD KURSUS	KURSUS	KREDIT	JAM PERTEMUAN
<b>TERAS KHIDMAT KOMUNITI</b>				
27	BKKM / DKKM 1831	PRS & Sahabat Khidmat	1	2
28	BKKM / DKKM 1821	Tahsin Al-Quran & Bacaan Yaasin	1	2
29	BKKM / DKKM 1811	Fiqh Amali	1	2
30	BKKM / DKKM 1501	Rakan Polis	1	2
31	BKKM / DKKM 1561	Budi Penyayang	1	2
32	BKKM / DKKM 1911	Kelestarian dan Amalan Hijau	1	2
33	BKKM / DKKM 1931	Teknologi Hijau dan Alam Sekitar	1	2
34	BKKM / DKKM 1921	Pengurusan Tenaga Elektrik	1	2
<b>TERAS KESUKARELAWANAN</b>				
35	BKKV 1421	Kor SUKSIS Polis 1	1	2
36	BKKV 1431	Kor SUKSIS Polis 2	1	2
37	BKKV 1441	Kor SUKSIS Polis 3	1	2
38	BKKV 1451	Kor SUKSIS Polis 4	1	2
39	BKKV 1461	Kor SUKSIS Polis 5	1	2
40	BKKV 1471	Kor SUKSIS Polis 6	1	2
41	BKKV 1481	Kor SISPA 1	1	2
42	BKKV 1491	Kor SISPA 2	1	2

BIL	KOD KURSUS	KURSUS	KREDIT	JAM PERTEMUAN
43	BKKV 1561	Kor SISPA 3	1	2
44	BKKV 1591	Kor SISPA 4	1	2
45	BKKV 1581	Kor SISPA 5	1	2
46	BKKV 1611	PALAPES 1	1	2
47	BKKV 1621	PALAPES 2	1	2
48	BKKV 1631	PALAPES 3	1	2
49	BKKV 1641	PALAPES 4	1	2
50	BKKV 1651	PALAPES 5	1	2
51	BKKV 1661	PALAPES 6	1	2
52	BKKV / DKKV 1511	Kelana Siswa 1	1	2
53	BKKV / DKKV 1521	Kelana Siswa 2	1	2
54	BKKV / DKKV 1471	Bulan Sabit Merah	1	2
55	BKKV / DKKV 1851	Pertolongan Cemas	1	2
56	BKKV / DKKV 1671	Siswa Bomba 1	1	2
57	BKKV / DKKV 1681	Siswa Bomba 2	1	2
<b>TERAS SUKAN</b>				
58	BKKS / DKKS 1031	Bola Tampar	1	2
59	BKKS / DKKS 1091	Senamrobik	1	2

BIL	KOD KURSUS	KURSUS	KREDIT	JAM PERTEMUAN
60	BKKS / DKKS 1111	Taekwondo	1	2
61	BKKS / DKKS 1141	Kembara	1	2
62	BKKS / DKKS 1101	Badminton	1	2
63	BKKS / DKKS 1281	Hoki	1	2
64	BKKS / DKKS 1321	Futsal	1	2
65	BKKS / DKKS 1361	Ragbi	1	2
66	BKKS / DKKS 1271	Tenis	1	2
67	BKKS / DKKS 1331	Olahraga	1	2
68	BKKS / DKKS 1351	Bola Baling	1	2
69	BKKS / DKKS 1381	Boling Padang	1	2
70	BKKS / DKKS 1011	Bola Sepak	1	2
71	BKKS / DKKS 1311	Sofbol	1	2
72	BKKS / DKKS 1151	Berbasikal	1	2
73	BKKS / DKKS 1071	Sepak Takraw	1	2
74	BKKS / DKKS 1121	Karate-Do	1	2
75	BKKS / DKKS 1021	Bola Jaring	1	2
76	BKKS / DKKS 1051	Kayak	1	2
77	BKKS / DKKS 1501	Petanque	1	2

## MAKLUMAT KURSUS JABATAN KOKURIKULUM

Maklumat berkaitan dengan hasil pembelajaran, sinopsis dan rujukan bagi setiap kursus yang ditawarkan oleh Jabatan Kokurikulum adalah seperti berikut. Penerangan mengenai setiap kursus adalah disusun bersekali antara Program Diploma dan Program Ijazah Sarjana Muda.

---

### DKKC/BKKC 1611 CAK LEMPONG

---

#### Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

1. Mengaplikasikan teknik bermain cak lempong secara berkumpulan mengikut irama dan tempo yang betul.
2. Mempamerkan kebolehan penglibatan secara berpasukan dalam persembahan cak lempong secara berkumpulan.

#### Sinopsis

Kursus ini akan memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai sejarah, latar belakang permainan, nota dan peralatan cak lempong. Pelajar diajar cara bermain cak lempong secara solo dan berkumpulan serta membuat kombinasi lagu-lagu cak lempong. Pelajar mempraktikkan persembahan cak lempong berdasarkan lagu-lagu yang telah dirancang. Pelajar akan menggunakan peralatan cak lempong seperti gareteh, tingkah, sau, gendang, seruling dan bangsi dalam sesi latihan dan persembahan.

#### Syarat Asas

Tiada.

#### Rujukan

- Abdul Hamid Adnan. (2012). *Muzik Cak Lempong*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Johan Nordin dan Norida Abdullah. (2016). *Cak Lempong. Modul 8, Siri Pengajaran dan Pembelajaran*. Melaka: Penerbit UTeM.
- Tan. S. B. & Patricia, M. (2014). *Pengantar Muzik Malaysia*. Pulau Pinang: The Asian Centre.

---

**DKKC/BKKC 1601      GAMELAN**

---

**Hasil Pembelajaran**

Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

1. Mengaplikasikan teknik bermain gamelan secara berkumpulan mengikut tempo dan irama yang betul.
2. Mempamerkan kebolehan penglibatan secara berpasukan dalam persembahan gamelan secara berkumpulan.

**Sinopsis**

Pelajar akan diberi pendedahan mengenai sejarah, latar belakang permainan, nota dan peralatan gamelan. Pelajar juga diajar cara bermain gamelan secara solo dan berkumpulan serta membuat kombinasi lagu-lagu gamelan. Pelajar mempraktikkan persembahan gamelan berdasarkan lagu-lagu yang telah dirancang. Pelajar akan menggunakan peralatan gamelan seperti bonang, saron, slanthem, kenung, gong, kempul, gambang dalam sesi latihan dan persembahan.

**Syarat Asas**

Tiada.

**Rujukan**

- Harrison, L., Brooklyn, P. O & Betty. S. (2015). *Music for Orchestra Ensemble Gamelan (CD)*. New York: Nimbus Records.
- Mustaffa Hassan & Norida Abdullah. (2016). *Gamelan. Modul 9, Siri Pengajaran dan Pembelajaran*. Melaka: Penerbit UTeM.
- Tan. S. B. & Patricia, M. (2014). *Pengantar Muzik Malaysia*. Pulau Pinang: The Asian Centre.

---

**DKKC/BKCC 1061 KOIR**

---

### Hasil Pembelajaran

Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

1. Mengaplikasikan teknik vokal bagi menghasilkan nyanyian mengikut irama dan tempo yang betul.
2. Mempamerkan kebolehan penglibatan secara berpasukan dalam persembahan koir secara berkumpulan.

### Sinopsis

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar seperti cara dan teknik vokal untuk menghasilkan nyanyian yang baik. Pelajar juga diajar mengenai teori muzik, repetoir lagu-lagu patriotik, cara-cara memimpin dan menguruskan sebuah pasukan koir, serta latihan pernafasan yang betul. Pelajar juga mempraktikkan persembahan koir berdasarkan lagu-lagu patriotik dan kemanusiaan yang telah dirancang.

### Syarat Asas

Tiada.

### Rujukan

- Brewer, M. (2017). *Fine-Tune Your Choir*. London: Faber Music Ltd.
- Malone, G. (2015). *Choir: Gareth Malone*. London: HarperCollins Publishers
- Mustaffa Hassan & Norida Abdullah. (2016). *Koir. Modul 10, Siri Pengajaran dan Pembelajaran*. Melaka: Penerbit UTeM.



---

**DKKC/BKKC 1631      NASYID**

---

**Hasil Pembelajaran**

Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat:

1. Mengaplikasikan teknik vokal bagi menghasilkan nyanyian yang baik dan berkualiti tinggi.
2. Mempamerkan kebolehan penglibatan secara berpasukan dalam persembahan nasyid secara berkumpulan.

**Sinopsis**

Kursus ini memberi pendedahan teknik asas menyanyi nasyid di samping memperkembangkan daya ekspresi kreatif, persepsi estetik, penilaian, respon dan apresiasi nasyid dan muzik. Para pelajar diberi kuliah secara teori dan amali dalam aspek teknik vokal, ritma, alat perkusi dan pengurusan pasukan dalam aspek persediaan persembahan. Pelajar juga mempraktikkan persembahan nasyid berdasarkan lagu-lagu yang telah dirancang.

**Syarat Asas**

Tiada.

**Rujukan**

- Noordianah Alwi. (2010). *Sejarah Perkembangan Nasyid di Nusantara dan Sumbangannya Sebagai Medium Dakwah*. Kuala Lumpur: JAKIM.
